

27/04/1997

PM minta Adun Selangor bersabar

Zulkofli Jamaludin; Nurul Adlina Kamarudin

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan Exco dan Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor supaya menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan bersabar dalam soal pelantikan Menteri Besar baru.

Perdana Menteri menyampaikan nasihat itu dalam pertemuan lebih sejam dengan ahli Badan Perhubungan Umno Selangor di Jabatan Perdana Menteri, semalam.

Pertemuan berkenaan dihadiri semua ahli badan berkenaan, kecuali Ketua Umno Bahagian Gombak, Hulu Selangor dan Puchong, yang diwakili timbalan masing-masing.

Timbalan Pengerusi Umno Selangor, Datuk Abu Hassan Omar, bagaimanapun berkata Perdana Menteri tidak menyatakan sebarang tempoh untuk memilih calon Menteri Besar.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat pertama Majlis Hal-Ehwal Pengguna Kebangsaan, di sini semalam, Abu Hassan yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, berkata badan perhubungan negeri yakin dengan keupayaan, pengalaman dan kebijaksanaan Dr Mahathir dalam meneliti serta memilih calon bagi menerajui negeri.

Menurutnya, Selangor memerlukan panduan dan sokongan berterusan daripada Kerajaan Persekutuan khususnya daripada Perdana Menteri, timbalannya dan Jemaah Menteri.

Sementara itu, Setiausaha Badan Perhubungan itu, Datuk Onn Ismail, berkata Umno Selangor memberi Perdana Menteri mandat dan kepercayaan penuh untuk memilih kepemimpinan baru Umno negeri dan Menteri Besar.

"Badan perhubungan sendiri meminta menemui Perdana Menteri selaku Presiden Umno dan kami sebenarnya menyokong siapa pun yang dilantik daripada 30 kalangan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Umno.

Jawatan itu kosong berikutan peletakan jawatan Tan Sri Muhammad Muhd Taib pada 14 April lalu ekoran dua tuduhan berhubung cubaan membawa keluar wang tunai RM2.4 juta dari Australia.

Selain jawatan Menteri Besar, Muhammad turut melepaskan jawatan Pengerusi Badan Perhubungan Umno dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) bagi Selangor dan Wilayah Persekutuan.

(END)